

89
SOALAN NO: 43

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: TUAN SIM CHEE KEONG

TARIKH: 5 APRIL 2018

SOALAN:

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah pekerja migran yang mati di Malaysia akibat kemalangan di tempat pekerjaan mengikut pecahan tahun, industri, negeri, negara asal dan juga apakah sebab-sebab kematian. Nyatakan dari tahun 2000-2017.

PR-1361-L05031

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Berdasarkan rekod Jabatan Tenaga Kerja (JTK) kematian pekerja asing yang sah iaitu pemegang Pas Lawatan Kerja Sementara(PLKS) yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen mencatatkan sebanyak 7,325 kes yang dilaporkan ke JTK dari tahun 2003 hingga 2017. Warganegara Indonesia mencatatkan bilangan kematian tertinggi sebanyak 2,486 orang, diikuti warganegara Myanmar seramai 1,586 orang dan warganegara Bangladesh seramai 1,128 orang.
2. Manakala industri atau perusahaan yang menunjukkan kematian tertinggi adalah daripada sektor pembuatan sebanyak 2,906 orang, diikuti sektor pertanian, perhutanan dan perikanan 1,571 orang dan seterusnya dalam industri pembinaan yang mencatatkan 1,168 orang.
3. Sementara itu, Negeri Johor telah mencatatkan kes kematian pekerja asing sebanyak 1,972 orang, diikuti oleh Negeri Selangor sebanyak 1,897 orang dan seterusnya Negeri Perak sebanyak 661 orang. Punca kematian adalah daripada pelbagai aspek melibatkan pengendalian seperti jentera, keadaan tempat pekerjaan, pengangkutan, faktor luaran dan sebagainya.